

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Versi Bahasa Inggeris) Helaian Pendedahan Produk ini mengandungi maklumat umum tentang produk, yang tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank.	Perniagaan dan Perbankan Korporat-i (BCB-i) Produk: Bil Keluar Untuk Pungutan-i (OBC-i) Tarikh: / /
1. Apakah itu Bil Keluar Untuk Pungutan-i (OBC-i)? OBC-i adalah perkhidmatan perdagangan yang ditawarkan oleh Bank (dipanggil Bank Pengirim) yang mematuhi prinsip Syariah untuk menguruskan pengendalian dan penghantaran dokumen perkapalan bagi jualan/eksport dan memberi arahan pungutan kepada Bank Pemungut di negara pengimport/pembeli untuk dikemukakan kepada pembeli (pesuruh bayar) untuk membuat pembayaran. Perkhidmatan perantara ini adalah untuk memudahkan penyelesaian perdagangan mengikut terma yang telah dipersetujui diantara pelanggan dan pembeli. Pengendalian dokumen perkapalan oleh Bank Pengirim adalah atas arahan Pelanggan untuk tujuan memperoleh bayaran atau penerimaan atau berdasarkan lain-lain terma dan syarat tertentu mengikut arahan pungutan daripada Bank. Dokumen untuk pungutan ini tertakluk kepada peraturan terbaharu Uniform Rules for Collections, International Chamber of Commerce Publication No. 522 yang sedang berkuat kuasa sekarang. OBC-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Wakalah bil Ujrah, yang merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai Prinsipal (muwakkil) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang boleh diwakilkan, dengan pengenaan yuran. Di bawah kontrak ini, Bank akan bertindak sebagai ejen bagi Prinsipal yang merupakan penjual/pengeksporth untuk: - Mengendalikan pemprosesan dokumen (penghantaran dokumen pengangkutan beserta dokumen komersial/kewangan) kepada bank pembeli/pengimport ("Bank Pemungut"); - Mengutip bayaran bagi pihak pelanggan daripada Bank Pemungut; dan - Menguruskan akaun pengumpulan dalam operasi harian/penyelenggaraan akaun. Kelebihan – Apakah yang anda dapat daripada produk ini? - Ia adalah satu cara bayaran yang mana penjual/pengeksporth menggunakan perkhidmatan Bank untuk memperoleh bayaran daripada pembeli/pengimport. Ia memberikan pihak pembeli/pengimport kompromi dalam terma pembayaran iaitu antara terma "akaun terbuka" dan bayaran pendahuluan. Pihak Bank tidak menjamin pembayaran tetapi hanya menyediakan khidmat memungut bayaran seperti yang diarahkan. Bank Pengirim bertindak sebagai agen untuk penjual/pengeksporth (iaitu Prinsipal). - Kaedah bayaran melalui perkhidmatan ini lebih mudah dan menjimatkan kos berbanding dengan perkhidmatan perdagangan yang lain.	
2. Ketahui Tanggungjawab Anda Harga Komisen 0.10% secara kadar rata akan dikenakan ke atas jumlah bil. Minimum RM50; Maksimum RM150, seperti yang dinyatakan dalam senarai penuh yuran dan perubahan. Ilustrasi - Amaun bil = USD100,000 - Komisen: $USD100,000 \times 0.10\% = USD100$ atau RM429.50 (berdasarkan kadar Pertukaran 1 USD: 4.2950 MYR) tetapi dihadkan pada RM150. Komisen ialah RM150. Anda juga perlu membayar yuran dan lain-lain caj, yang mana berkenaan, mengikut senarai penuh yuran dan caj kami yang diterbitkan di: https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html 	Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:  Membaca dan memahami harga serta terma dan syarat dalam borang permohonan.  Memahami bahawa Bank hanya bertindak sebagai ejen pengumpul dan tidak bertanggungjawab untuk mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan dokumen di luar penjagaan yang munasabah  Anda juga memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit akaun anda untuk pembayaran komisen, caj lazim, caj Bank atau Ejen dan semua wang yang dibayar atau yang mana Bank bertanggungjawab di bawah OBC-i.  Sahkan bahawa barangan/perkhidmatan dan pihak gabungan / rakan niaga yang berkaitan dengan transaksi perdagangan tidak dibenarkan/dilarang/terhad dan selaras dengan sifat perniagaan syarikat anda.  Maklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

3. Ketahui Risiko Anda

Apa yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

1. Sekiranya anda tidak menetapkan kontrak pertukaran mata wang asing dengan Bank untuk menampung OBC-i, apabila pihak Bank menerima dana daripada Bank Pemungut berhubung dengan OBC-i, pihak Bank berhak menukar amaun yang diterima dalam mata wang asing kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran kaunter semasa Bank, sebelum mengirimbkannya kepada anda.

Apakah risiko utama?

- **Barang yang dibeli atau diimport mungkin berkualiti rendah atau mungkin tidak mematuhi jangkaan atau spesifikasi pembeli.** Memandangkan peranan Bank terhad kepada pemeriksaan dokumen sahaja, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan, memeriksa, atau mengesahkan barangan sebenar yang dihantar.
- **Kelewatan dan/atau dokumen penghantaran tidak diambil** boleh menyebabkan caj demurraj dikenakan ke atas anda semasa pelepasan barangan pada peringkat kemudian.
- **Barangan mudah rosak** mungkin menjadi tidak bernilai kerana pelepasan tertunda

4. Terma Utama Lain

Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

 Hubungi kami di: 03-7626 8899 / 03-7661 7777	 Lawati kami di: www.hlisb.com.my/bcbi	 E-mel kami di: HLOnline@hlbb.hongleong.com.my	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Tel: 03 - 2616 7766 https://www.akpk.org.my/smehelpdesk
--	---	--	---

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh hubungi:

HLISB	BNMLINK
Advokasi Pelanggan Tel: 03-7626 8821 / 03-76268802 / 03-76268812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my	Tel: 1-300-88-5465 Luar Negara: 603-2174 1717 Laman Web: bnm.gov.my/BNMLINK

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada 31 Disember 2025.